

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 12/2023

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

March to October 2023

**Global Outreach Program (GOP):
Kolaborasi Antara Universiti Teknologi
MARA dan Universitas Indonesia dalam
Pembangunan Mahasiswa**

***Ditulis oleh: Kavirajaa Pandian A/L
Sambasevam dan Ruhaida Rusmin***

Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS) telah menganjurkan program pengantarabangsaan Global Outreach Program (GOP) siri ke 6 sebagai inisiatif untuk pembangunan daya saing mahasiswa di peringkat global dan mengukuhkan jalinan kerjasama strategik dengan universiti luar negara. Untuk GOP tahun ini, PPKAS menjalin kerjasama dengan empat universiti dari Indonesia, iaitu Universitas Islam Indonesia (UII), Universitas Negeri Malang (UNM), Universitas Telkom, dan Universitas Maritim Raja Ali Haji (UMRAH).

Salah satu pengisian utama GOP tahun ini adalah program "Kolokium Malaysia-Indonesia" di bawah kelolaan Dr. Kavirajaa Pandian A/L Sambasevam dan Dr. Ruhaida Rusmin dan dibantu oleh pelajar jabatan PPKAS. Program ini diadakan pada 21 Ogos 2023 dari pukul 11 pagi hingga 12.30 tengahari. Dalam program ini, empat pensyarah telah turut serta untuk menyampaikan penemuan kajian penyelidikan mereka.

Keempat-empat pensyarah yang terlibat adalah:

a. Dr. Asiah Abdullah dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan, dengan topik "Oil Esters: Potential Emollient for Cosmeceutical Applications"



Gambar 1: Pembentangan daripada Dr Asiah Abdullah daripada UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

b. Dr. Nurcahyo Iman Prakoso dari UII, dengan topik "Application of Green Chemistry Principle in Organic Synthesis"



Gambar 2: Pembentangan daripada wakil UII, Dr. Nurcahyo Iman Prakoso.

c. Dr. Jamaliatul Badriyah dari UNM, dengan topik "Application of Statistics and Forecasting in Chemistry"

d. Dr. Husneni Mukhtar dari Universitas Telkom, dengan topik "Shaping Futures:

Biomedical and Healthcare Technology for Services and Applied Technology”

Secara keseluruhan, pensyarah dan mahasiswa dari semua universiti yang terlibat telah memperoleh pendedahan dan ilmu baru dari pelbagai perkongsian penyelidikan ini. Melalui GOP dan "Kolokium Malaysia-Indonesia", kerjasama merentas universiti dan negara dapat dipertingkatkan, di samping mengukuhkan percambahan ilmu terutama di bidang kimia dan sains persekitaran.